

Dua lelaki merokok di kawasan larangan didenda RM500

SIBU: Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman denda RM500 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan merokok di kawasan larangan yang telah diisytiharkan.

Kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam itu turut berdepan hukuman penjara selama dua minggu sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut.

Bagaimanapun kedua-duanya dibenarkan bebas setelah membayar denda berkenaan.

Pertuduhan terhadap mereka dibuat di bawah Seksyen 16(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang dibaca bersama Peraturan 3(4) Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Lar-

angan Merokok) 2024.

Di bawah peruntukan itu, pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 jika sabit kesalahan.

Fakta kes yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Nurhana Joharimendedahkan bahawa kedua-dua individu tersebut merupakan pesalah tegar yang mengulangi kesalahan yang sama dalam tahun yang sama.

Walaupun sebelum ini mereka pernah diberikan peluang untuk berubah melalui pembayaran kompaun bagi kesalahan terdahulu pada tahun 2025, mereka tetap menunjukkan sikap tidak peduli terhadap undang-undang dengan mengulangi perbuatan tersebut.

Pendakwaan yang dikendalikan oleh pegawai pendakwa dari Unit Inspektorat dan Perundangan Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu serta Pasukan

Teras Pendakwaan Sarawak Maswel Lenard Thomas dan Flexvious Ajax Jeffery, memohon hukuman bersifat pencegahan daripada Majistret Romario Jonoi.

Pihak pendakwaan dalam hujahannya menekankan bahawa tindakan pentadbiran sebelum ini terbukti tidak mencukupi untuk membaiki tingkah laku tertuduh.

Kesalahan berulang ini bukan sahaja memperlekehkan objektif undang-undang, malah terus mendedahkan masyarakat awam kepada bahaya asap rokok basi di kawasan larangan.

Hukuman yang lebih berat adalah perlu sebagai amaran keras bahawa pelanggaran undang-undang kesihatan awam secara berterusan tidak akan bertoleransi dan akan berhadapan dengan tindakan kehakiman yang sewajarnya.